

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : ISU

PBOA pantau tahap kesihatan

Kuantan: Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) sudah menggerakkan Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) bagi memantau penularan penyakit radang paru-paru dalam kalangan masyarakat Orang Asli di negeri ini.

Pengaruhnya, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata pihaknya memandang serius penularan wabak itu di perkampungan Orang Asli Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan yang sudah meragut nyawa.

"Pahang menjadi negeri pertama di negara ini yang menubuhkan pasukan PBOA dan pasukan ini membabitkan 11 daerah dengan setiap pasukan dianggotai antara lima hingga tujuh kakitangan.

Pantau perkampungan

"Pasukan ini akan memantau perkampungan Orang Asli di daerah masing-masing dan mengemukakan laporan jika terdapat penularan apa juga penyakit yang perlu diberikan perhatian serius.

"Terdapat masing-masing seorang pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, pegawai dan penolong pegawai permerhati serta pemandu dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda khas bagi setiap pasukan," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, PBOA berkenaan sudah ke kawasan penempatan Orang Asli suku kaum Batek di Jerantut sebelum sambutan Aidilfitri lalu dan akan mengunjungi kampung itu sekali lagi dalam masa terdekat.

"Kita tidak mahu wabak penyakit membahaya yang mengancam nyawa masyarakat Orang Asli merebak atau tersebar di sini, jadi usaha pencegahan perlu dilakukan pada peringkat awal lagi," katanya.



Pasukan ini akan memantau perkampungan Orang Asli di daerah masing-masing dan mengemukakan laporan"

Dr Sha'ari Ngadiman,
Pengarah JKNP